

ISTIGHATHAH DALAM AMALAN TAREQAT TASAUF

Dr Shuhadak Mahmud

AJK Fatwa Negeri Sembilan

Mantan Pakar Panel Syariah JAKIM

Khalifah Tarekah Jaafariah Malaysia

17/09/2022 1

1



MUQADDIMAH

- Amalan beristighathah, memohon madad, bertawassul, memohon syafaat, bertabarruk, rabitah dengan masyayikh merupakan amalan yang disepakati keharusannya oleh mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- Ianya adalah wasilah dan mengambil jalan asbab dan ikhtiar tanpa sedikit pun mengurangkan pergantungan, tawakkal dan tafwidh seorang salik kepada pemilik asbab dan yang mengkabulkan segala hajat.
- Para sadah sufiyah menerapkan konsep ini kepada para salik.

17/09/2022 2

2



DALIL AL-QUR’AN

Allah Taala berfirman:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا

Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah. Dan kalau lah mereka itu menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.” [Surah An-Nisa, 64]



Petunjuk	Ayat
Istighfar dan itighathah kepada Allah Taala (langsung / mubasyarah)	فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ
Istighathah kepada/melalui Sayyiduna Rasulullah (tawassul)	وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ
Natijah	لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا



SAMBUNGAN DALIL Al-QUR'AN

Keempat : Firman Allah Taala

قَالُواْ يَٰٓأَبَانَا ٱسْتَغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَآ إِنَّا كُنَّا خَٰطِـِٔينَ

Mereka berkata: "wahai ayah kami ! Minta lah ampun bagi kami akan dosa-dosa kami; sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bersalah"[Surah Yusuf : 97]

Persoalan : mengapa anak-anak tidak memohon kepada allah secara langsung tetapi memohon ayahanda mereka yang beristighfar untuk mereka?

Kelima : Firman Allah Taala

إِذْ تَسْتَغِيثُونَ رَبَّكُمْ فَٱسْتَجَابَ لَكُمْ أَنِّى مُمِدُّكُم بِأَلْفٍ مِّنَ ٱلْمَلَٰٓئِكَةِ مُرْدِفِينَ

(Ingat lah) ketika kamu memohon pertolongan kepada tuhan kamu, lalu Ia perkenankan permohonan kamu (dengan firman-Nya): "Sesungguhnya Aku membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang dtaang berturut-turut", [Surah Al-Anfaal : 9]

Perhatian : Kalimah istighothah dan madad

5



DALIL HADIS

Pertama : Hadis orang buta

اللهم إني أسألك وأتوجه إليك بنبيك محمد صلى الله عليه وسلم نبي الرحمة

"Ya Allah, sungguh aku memohon kepada-Mu dan dan tawassul kepada-Mu dengan Nabi-Mu Muhammad Sallahu Alayhi Wa Sallam, Nabi pembawa rahmat"

Kedua : Hadis

يا محمد إني أتوجه بك إلى ربي

"Wahai Muhammad, sesungguhnya aku menghadap kepada Tuhanku dengan engkau (Rasulullah).

Ketiga : Istighathah penghuni mahsyar kepada para Nabi ulul 'azmi

6



Imam Malik dan Khalifah Abu Jakfar Al-Mansur

Al-Qastlani berkata: Diriwayatkan bahawa Abu Jakfar al-Mansur al-Abbasi, khalifah kedua Bani Abbasiah bertanya kepada Imam Malik, "Wahai Abu Abdullah, adakah saya menghadap Rasulullah dan saya berdoa atau adakah saya menghadap kiblat dan berdoa? Maka Imam Malik menjawab kepada Khalifah: jangan palingkan wajahmu darinya, dan Baginda adalah perantara (wasilah) kamu dan ayahandamu Adam 'alayhi salam kepada Allah Taala pada Hari kiamat. Sebaliknya, menghadaplah kepada Baginda di dalam doa dan mohon syafaat dengan Baginda, nescaya kamu akan dikurniakan syafaat. Kisah ini diriwayatkan oleh Abu Al-Hasan Ali Bin Fahr dalam kitabnya *Fadhail Malik*



KISAH PELAKU MAKSIAT DAN IMAM AHMAD

Alkisah, Imam Ahmad bin Hanbal mempunyai jiran yang kehidupan seharinya penuh maksiat. Namun, pada suatu hari, jiran tersebut datang ke majlis ilmu Imam Ahmad. Beliau mengucap salam namun tidak jawab oleh Imam Ahmad dan bermasam muka (kurang senang dengan kehadiran jirannya itu). Sang Jiran itu berkata,

"Wahai Imam Ahmad, Kenapa kamu tidak melayanku dengan baik sedangkan aku telah bertaubat dari perbuatan maksiat. Ketahuilah taubat ku ini kerana semalam aku bermimpi.

Imam Ahmad langsung bertanya tentang mimpinya,

"Aku bermimpi melihat Rasulullah berada ditempat yang tinggi dan disekeliling Baginda itu tempat yang rendah dan sekumpulan manusia sedang duduk berhimpun. Salah seorang daripada mereka bangun menghampiri Baginda dan berkata (mohon doa) kepada Rasulullah

"Wahai Rasulullah, doakan aku dan Rasulullah pun mendoakannya. Demikian dituruti orang lain memohon doa kepada Rasulullah hingga semua bersurai, tinggal aku seorang. Aku ingin berdiri dan mendatangi Rasulullah namun aku malu untuk bangun kerana dosaku yang banyak".



SAMBUNGAN

Lantas Nabi bertanya kepadaku, “kenapa kamu tidak bangun menghampiriku dan memohon doa daripadaku?

Aku menjawab, “Ya Rasulallah, aku ingin menghampirimu dan meminta doa kepadamu tetapi aku sangat malu dengan maksiatku.”

Rasulullah menjawab, “bangunlah dan aku mendoakan kebaikan untukmu. Aku melihat kamu orang yang baik dan kamu tidak pernah mencaci para sahabatku.”

Aku menghampiri Baginda lalu Baginda mendoakanku. Sejak aku terbangun dari tidur itu lah aku bertaubat dan membenci segala keterlanjuran yang pernah aku lakukan.

Imam Ahmad mendengar dan berpesan agar jirannya menghafal dan menyebarkan hikayat ini kerana ianya bermanfaat.

Rujuk : Kitab At Tawwabīn oleh Abdullah Bin Ahmad Bin Muhammad Bin Qudamah Al-Maqdisi.



KISAH MUHAMMAD IBN ABDULLAH AL-’UTBIY DAN A’RABIY (PENDUDUK DALAMAN ARAB)

Al-’Utbiy menziarahi Rasulullah dan datang seorang A’rabi menyampaikan salam kepada Rasulullah dengan ungkapan yang indah :

“Assalamu’alaika, wahai Rasulullah aku mendengar Allah Taala berfirman:

وَمَآ أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلَّا لِيُطَاعَ بِإِذْنِ ٱللَّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُوٓا۟ أَنفُسَهُمْ جَآءُوكَ فَٱسْتَغْفَرُوا۟ ٱللَّهَ وَٱسْتَغْفَرَ لَهُمُ ٱلرَّسُولُ لَوَجَدُوا۟ ٱللَّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا

Dan Kami tidak mengutus seseorang rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah. Dan kalau lah mereka itu menganiaya diri mereka sendiri datang kepadamu (Wahai Muhammad) lalu memohon ampun kepada Allah, dan Rasulullah juga memohon ampun untuk mereka, tentulah mereka mendapati Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang.” [Surah An-Nisa, 64]

dan aku telah datang kepadamu dalam keadaan memohon ampun dari segala dosaku dan memohon syafaatmu kepada Tuhanku”. Kemudian A’rabi tersebut mengungkapkan beberapa bait qasidah dan beredar.



SAMBUNGAN KISAH AL-’UTBIY

Al-Utbiy meneruskan ceritanya : kemudian dia berpaling dari makam Rasulullah Sallāllāhu Alayhi Wa Sallam. Tiba-tiba dua mataku mengantuk lalu aku bermimpi melihat Rasulullah Sallāllāhu Alayhi Wa Sallam di dalam mimpiku. “Wahai Utbiy, temui A’rabiy itu dengan segera dan sampaikan berita gembira kepadanya sesungguhnya dosanya telah diampunkan Allah (berkat bertawassul istighathah dengan Nabi).

Rujuk : Kitab Al-Azkār oleh Imam Nawawi

17/09/2022 11

11



AMALAN SUNNAH

1. Disebutkan dalam hadis

اذا أضل أحدكم شيئا أو أراد أحدكم عونا و هو بأرض ليس بها أنيس فليقل يا عباد الله أغيثوني يا عباد الله أغيثوني فان لله عبادا لا نراهم

“Apabila kalian kehilangan sesuatu atau inginkan pertolongan sedangkan kalian sedang berada di Kawasan bumi yang tidak ada seorang pun yang kamu kenal, maka katakana lah: “Wahai hamba - hambaAllah. Tolong lah aku !, wahai hamba Allah tolong lah aku. Kerana sesungguhnya Allah mempunyai hamba-hamba yang tidak dapat dilihat”. [Hadis Riwayat At Tabarani]

2. Dalam hadis yang lain,

فإذا أصابت أحدكم عرجة بأرض فلاة فليناد: يا عباد الله أعينوني

“Apabila salah seorang dari kamu terkena suatu kesusahan di bumi (kawasan) padang pasir, maka hendaklah kamu menyeru : Wahai hamba –hamba Allah, tolong lah aku” [Hadis riwayat Al-Munawi]

17/09/2022 12

12



3. Imam Abdullah Ibn Imam Ahmad Ibn Hanbal meriwayatkan daripada ayahandanya : aku mengerjakan haji sebanyak 5 kali, dua kali dengan menunggang dan tiga kali berjalan kaki atau dua kali berjalan kaki dan tig akali menunggang. Lalu tersesat dalam perjalanan yang Imam pergi dengan berjalan kaki. :Imam lantas berdoa,

يا عباد الله دلونا على الطريق

"Wahai hamba –Allah, tunjukkan jalan kepada kami"

Aku mengulangi istighathah ini dan dapat menemui jalan.

Imam al-Tabari dalam al-Tarikh (3/293) dan Imam Ibnu Kathir dalam al-Bidayah wa al-Nihayah (9/465) meriwayatkan bahawa ketika pemerintahan Sayyidina Abu Bakar, telah berlaku Perang Yamamah, di mana Panglima Perang Islam, Sayyidina Khalid bin Walid (ra) telah menetapkan seruan,

يا محمداه يا محمداه

"Ya Muhammadah" (bantulah wahai Nabi Muhammad)"

Ia sebagai laungan khusus bagi tentera Muslimin untuk menyebutnya ketika dalam peperangan melawan kelompok murtad.



AMALAN SAYYIDATINA AISYAH R.ANHA

يا غياث المستغيثين أغثنا

"Wahai yang memberi pertolongan
kepada orang yang meminta tolong. Tolong lah kami"



AMALAN AL-HIZB AL-MUGHNI

اَلْحِزْبُ الْمُغْنِي

لِسَيِّدِي أُوَيْسٍ الْقَرَنِي

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

(إِلٰهِي بِكَ أَسْتَغِيثُ فَأَغِثْنِي وَبِكَ
اسْتَغْنَيْتُ فَأَغْنِنِي وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ فَاكْفِنِي
يَا كَافِي اكْفِنِي الْمُهِمَّاتِ مِنْ أَمْرِ
الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ - ثَلَاثًا)
(يَا رَحْمٰنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيمَهُمَا
إِنِّي عَبْدُكَ بِبَابِكَ ذَلِيلُكَ بِبَابِكَ

٧٧

17/09/2022 15

15



KALAM IMAM MASJID AL HARAM DI DALAM *KANZ NAJAH*

Nukilan Imam al-faqih Abdullah Ba Saudan di dalam kitab *Zakhirah* : para Imam al-Arifin dan ulama' al Amilin menyusun *aurad*, *ahzab*, *rawatib*, *hafaiz* (husun) dan seumpamanya dalam bentuk doa.

Walaupun sebahagian lafaznya tidak *warid* daripada Rasulullah Sallallahu Alayhi Wa Sallam, mereka menggariskan syarat :

1- Lafaznya bukan daripada hawa nafsu

2- Hendaklah selari dengan syariat dan tidak menimbulkan kekeliruan

3- Jangan dinisbahkan kepada Rasulullah amalan yang tidak thabit daripada Baginda

Berdoa dan berzikir yang *warid* adalah sangat dituntut namun menggabungkan dengan awrad para ahlillah ahli kasyaf tidaklah ditegah kerana sadah auliya' turut tenggelam di dalam *nafahat*, *fuyudhat* dan *anwar* Rasulillah Sallallahu Alayhi Wa Sallam.

17/09/2022 16

16



AMALAN SIDI AHMAD IBN IDRIS

يا غياثي عند كل كربة
ومجيبي عند كل دعوة
وملاذي عند كل شدة
ويا رجائي حين تنقطع حيلتي

Dibaca sebanyak 50x selepas Solat Sunat
Rakaat pertama : Surah al Insyirah
Rakaat kedua : Surah An Nasr

17



AWRAD SIDI SOLEH JAKFARY

يا لطيف أغثني وأدركني بخفي لطفك الخفي

إلهي أنا عبدك الضعيف وأنت الرب القوي ، فأغثني بقوتك يا قوي

يا حي يا قيوم برحمتك أستغيث أصلح لي شأني كله

18



SELAWAT SIDI SOLEH JAKFARY

اللهم صل على سيدنا محمد رحمة الله للعالمين وعلى آله وسلم أجمعين وأغثني اللهم بجاهه يا مغيث يا معين

اللهم صل على سيدنا محمد شفيع الخلائق يوم الكرب العظيم ، وأغثني اللهم بجاهه ياغياث المستغيثين بفرجك الذي هو كلمح البصر أو هو أقرب



AMALAN SADAH SUFIYAH

Amalan al-’Allamah Mufti Syaikh Ahmad ibn al-’Allamah Syaikh Muhammad Said al-Linggi di dalam kitab *Safīnah al Salamah*

يَا رَسُولَ اللهِ أَدْرِكْنَا   يَا رَسُولَ اللهِ أَغِثْنَا



KESIMPULAN

1. Jangan terpengaruh dengan dakyah ahli bida'h dikalangan wahabi dan seumpamanya yang mengikut manhaj Khawarij yang mentafsirkan ayat al-Quran kepada orang kafir musyrik dan meletakkannya kepada orang yang beriman.

2. *Istighathah Masyru'* (harus dan sunat)

   Istighathah Mamnu' (memohon dan yakin mahkluk yang memberi dan melarang)

17/09/2022 21

21



RUJUKAN

- *Misbah al-Zalam Fi al-Mustaghithin bi Khair al-Anam alih al-Solah Wa as Salam Fi al-Yaqayi wa al Manam* – al Imam Muhammad ibn Musa al – Marakisyi
- *Mafatih Kunuz al-Samawat Wa al-Ardh al-Makhzunah* – Al-Imam Al-Azhari Sayyidi Soleh al-Jakfari
- *Awrad dan Selawat Harian* - al-Imam al-Azhari Sayyidi Soleh al-Jakfari
- *Al-Barahin al-Satia'h Fi Raddi Ba'gh al-Bida' al-Syaia'h* – al-Faqih al-Sufi Salamah al-Qudhaie
- *Kanz an Najah wa al-Surur* – Syaikh alkhatib Abdul Hamid Quds al-Makki

17/09/2022 22

22